

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilengkapi peralatan kamera badan (*bodycam*), berapa *bodycam* dibeli, jenis modelnya dan kos setiap *bodycam*.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perolehan kamera badan (*body worn camera*) bagi kegunaan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *Rolling Plan 1*. Perolehan ini sedang dalam peringkat **memuktamadkan spesifikasi** dan akan dipelawa kepada semua pembekal yang layak secara tender terbuka melalui Sistem ePerolehan.

Sebanyak **2,040 unit** kamera badan akan dibeli dan diagihkan ke 85 lokasi meliputi Balai Polis, Ibu Pejabat Polis Daerah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Bagi perolehan ini, **tiada model tertentu** yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, spesifikasi yang diperlukan adalah berkualiti tinggi, menggunakan teknologi *Artificial Intelligence* (AI), berkeupayaan *live video streaming* serta produk mendapat kelulusan SIRIM.